

# Dua calon akan jadi penerima Ph.D pertama KUiTTHO

BATU PAHAT 28 Julai — Dua calon akan menjadi penerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ph.D) yang pertama pada Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di sini Sabtu ini.

Konvokesyen kali kedua itu turut memperkenalkan Anugerah Diraja kepada dua tokoh tertinggi yang akan disampaikan oleh Canselor KUiTTHO, Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar.

Rektor KUiTTHO, Profesor Dr. Ismail Bakar berkata, kedua-dua anugerah itu akan mengiringi dua kurniaan KUiTTHO sebelum ini iaitu Anugerah Tan Sri Hajah Aishah Ghani dan Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik.

Menurutnya, pada konvokesyen kali ini seramai 1,133 orang graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah tersebut katanya, seramai 293 graduan kumpulan pertama menamatkan pengajian peringkat Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional akan menerima pengiktirafan masing-masing.

“Yang lain adalah 495 graduan sarjana muda termasuk 15 pelajar lulusan pengajian di bawah kerjasama KUiTTHO dan GMI (Institut Jerman Malaysia) serta 345 penerima diploma.

“Kesemua 15 graduan pertama hasil kerjasama KUiTTHO/GMI ini adalah lulusan dalam bidang Mekatronik (tujuh orang) dan Tool and Die (8 orang),” jelasnya.

Bagi memeriahkan majlis konvokesyen tersebut, pelbagai aktiviti yang melibatkan seluruh warga KUiTTHO dan masyarakat tempatan turut diadakan.